



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

3 0 DEC 2025

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf / Jenis Syarikat*	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Tarikh Dokumen Dijual/Dimuat turun	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN JKR NEGERI JOHOR Aras 5 Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, 79582 Iskandar Puteri, Johor	No. Tender: JKR/PERS/J/KLG/29/2025(T) PEMBINAAN BLOK PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) (5BD) DAN 2 BENGKEL KEMAHIRAN SERTA KEMUDAHAN- KEMUDAHAN LAIN MENGIKUT PIAWAI DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN ABDUL JALIL, JOHOR (JEA2033)	Taraf BUMIPUTERA Jenis Syarikat: T1	CIDB: GRED: G6 Kategori: B Pengkhususan: B 04 Dan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) *KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN	Tarikh Dokumen Dijual: Pada 14.01.2026 (Rabu) Hingga 16.01.2026 (Jumaat) Sebelum jam 5.00 petang Tarikh Dokumen Dimuat turun: Pada 22.01.2026 (Khamis) Hingga 12.02.2026 (Khamis) Pautan: Secara dalam talian melalui Sistem JKR E-Tender (JET) https://tender.jkr.gov.my	Sila Rujuk Sistem JKR E-Tender (JET) sebelum membuat bayaran Harga Dokumen: RM 300.00 Kaedah Bayaran: Menerusi JomPay sahaja Biller Code: JKR JOHOR 407841 Ref-1: JKR/PERS/J/KLG/29/2025(T) Ref-2 : Nama Syarikat Anda Dokumen Tender hanya akan dijual kepada petender yang LAYAK. Pembayaran hendaklah dibuat setelah pengesahan oleh pegawai PMT dalam Sistem Jet. * Bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya petender gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan	Tempat: Secara dalam talian melalui Sistem JKR E-Tender (JET) Tarikh Tutup Tender: 12.02.2026 (Khamis) Sebelum atau pada 12.00 tengah hari

Tarikh dan Lokasi Lawatan Tapak

Sesi taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada 08.01.2026 (KHAMIS) Jam 10.00 Pagi.
Daftar Kehadiran dan Taklimat Tapak di JKR (D) Kluang
Lawatan Tapak di SMK Sultan Abul Jalil, Taman Makmur, 86000 Kluang, Johor

Hanya penama yang tercatat didalam sijil PPK dan SPKK yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam sijil PPK dan SPKK.

(Permohonan menghadiri taklimat/lawatan tapak adalah melalui Sistem JET, permohonan perlu dibuat selewat lewatnya pada 06/01/2026 (5.00 PM)
(Kebenaran menghadiri lawatan tapak hanya diberikan kepada petender yang telah disahkan)

PENDAFTARAN KONTRAKTOR:

- a) Petender mempunyai PPK & SPKK atau PPK & Sijil PUKONSA atay PPK & Sijil UPKJ dalam gred/kelas, kategori dan pengkhususan yang ditetapkan dalam kenyataan Tender.

JENIS E-TENDERING (SISTEM JET):

- a) Petender yang berminat menyertai tender ini hendaklah membuat pendaftaran dalam portal <https://tender.jkr.gov.my> .Pendaftaran akaun pengguna (kontraktor) hanya perlu dibuat sekali sahaja dengan menggunakan nama syarikat yang berkenaan.
- b) Hanya petender berdaftar sahaja boleh menyertai tender yang menggunakan Sistem JET. Langkah-langkah untuk membuka akaun dan mendaftar masuk sistem boleh dirujuk menerusi Manual Pengguna yang boleh dimuat turun melalui portal Sistem JET.
- c) Kontraktor yang telah berdaftar dengan Sistem JET akan menerima ID dan kata laluan untuk log masuk, melihat paparan iklan, membeli dan mengemukakan dokumen tender.
- d) Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi secara dalam talian melalui Sistem Jet.

PEMBELIAN DOKUMEN TENDER:

- a) Kontraktor yang LAYAK perlu memuatnaik salinan (dalam format *pdf) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan CIDB atau Sijil UPKJ atau Sijil PUKONSA dan Sijil Taraf Bumiputera (STB); dan bukti pembayaran (Slip JomPAY) bagi tujuan pembelian dokumen tender.
- b) Dokumen tender hanya akan dijual kepada Kontraktor yang LAYAK berdasarkan kepada maklumat pendaftaran dan bukti pembayaran yang dikemukakan. Bayaran TIDAK akan dikembalikan sekiranya petender gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- c) Petender yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan akan menerima e-mel pemakluman bagi pengesahan pembelian Dokumen Tender dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan boleh memuat turun Dokumen Tender secara salinan lembut (softcopy) melalui Sistem JET.

PERINGATAN :

Pejabat Mengurus Tender (PMT) tidak akan bertanggungjawab di atas kecuaiian Kontraktor dalam memastikan kesempurnaan penerimaan emel, isu pembayaran dan dokumen yang dimuat turun.

*Jenis Pendaftaran:	T1	-	Syarikat yang 100% milik tempatan.
	A1	-	Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara.
	A2	-	Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.